



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN ANTARA SIKAP DAN STRATEGI MENANGANI STRES
DENGAN TEKANAN KERJA DALAM KALANGAN GURU KEMAHIRAN
HIDUP BERSEPADU DI SELANGOR, MALAYSIA***

NORIAH BINTI BASID

FPP 2018 18



**HUBUNGAN ANTARA SIKAP DAN STRATEGI MENANGANI STRES
DENGAN TEKANAN KERJA DALAM KALANGAN GURU KEMAHIRAN
HIDUP BERSEPADU DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

NORIAH BINTI BASID

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Ogos 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA SIKAP DAN STRATEGI MENANGANI STRES
DENGAN TEKANAN KERJA DALAM KALANGAN GURU KEMAHIRAN
HIDUP BERSEPADU DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

NORIAH BINTI BASID

Ogos 2017

Pengerusi : Suhaida Binti Abdul Kadir, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara sikap dan strategi menangani stress dengan tekanan kerja dalam kalangan guru kemahiran hidup bersepadu (KHB). Data kajian diperolehi melalui soal selidik daripada 266 orang guru yang mengajar mata pelajaran KHB di sekolah menengah negeri Selangor. Kajian ini adalah kajian kuantitatif dan kaedah yang digunakan adalah kajian kolerasi dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian.

Analisis deskriptif menunjukkan guru KHB mengalami tahap tekanan yang sederhana dalam melaksanakan sukatan pelajaran kemahiran hidup bersepadu iaitu ($M=2.41$, $SP=.679$) iaitu merangkumi aspek tekanan fisiologi, psikologi dan beban tugas guru. Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga aspek tekanan ini adalah di tahap yang sederhana iaitu tekanan fisiologi ($M=2.44$, $SP=.687$), tekanan psikologi ($M=2.27$, $SP=.471$) dan beban tugas guru ($M=2.41$, $SP=.679$). Analisis deskriptif juga menunjukkan tahap persepsi sikap guru terhadap mata pelajaran KHB yang merangkumi aspek kebergunaan dan manfaatnya, kegembiraan dan keyakinan mengajar secara keseluruhannya berada di tahap yang sederhana ($M=3.57$, $SP=.426$). Namun demikian, tahap persepsi sikap guru berdasarkan aspek kebergunaan dan manfaatnya mencatat tahap nilai yang paling tinggi iaitu ($M=4.06$, $SP=.444$). Manakala, aspek kegembiraan mengajar ($M=3.63$, $SP=.459$) dan keyakinan mengajar ($M=3.57$, $SP=.426$) adalah di tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga mendapati secara keseluruhannya tahap persepsi bagi strategi menghadapi stress yang merangkumi strategi profesional, sekolah, sosial dan sendiri adalah di tahap yang tinggi ($M=3.79$, $SP=.419$). Hasil

dapatan kajian mendapati strategi professional ($M=4.01$, $Sp=.534$, strategi sekolah ($M=3.92$, $SP=.526$) dan strategi sosial ($M=3.73$, $SP=.535$) berada di tahap yang tinggi, Namun demikian, strategi sendiri mencatat tahap skor min yang sederhana ($M=3.51$, $SP=.509$). Analisis korelasi Pearson menunjukkan ada wujudnya hubungan yang signifikan antara sikap guru terhadap mata pelajaran KHB dengan tekanan kerja dengan kekuatan hubungan negative yang sederhana [$r(266) = -.407$, $p < .01$] dan tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara pembolehubah strategi menghadapi stres dengan tekanan kerja guru KHB [$r(266) = -.055$, $p = .371$].



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIP BETWEEN ATTITUDES AND STRATEGIES TO
HANDLE STRESS WITH PRESSURE OF WORK AMONG KHB
TEACHERS IN SELANGOR, MALAYSIA**

By

NORIAH BINTI BASID

August 2017

Chairman : Suhaida Binti Abdul Kadir, PhD
Faculty : Educational Studies

This study aims to identify the relationship between attitude and stress management strategy with work pressure among Integrated Living Skills subject teachers. The data was obtained by questionnaires from the sample that consisted of 266 teachers who taught KHB subjects in Selangor secondary school. This study is a quantitative study and the method used is a colleration study using a questionnaire as a research instrument.

Descriptive analysis showed that KHB teachers experienced moderate stress levels in implementing the integrated life skills syllabus ($M = 2.41$, $SP.679$) which included aspects of physiological, psychological and teacher burden. The findings show that the three aspects of stress are moderate, which are physiological pressure ($M = 2.44$, $SP = .687$), psychological stress ($M = 2.27$, $SP = .471$) and teacher's burden ($M = 2.41$, $SP = .679$). Descriptive analysis also demonstrates the level of perceptions of teachers' attitudes towards KHB subjects that encompass the usefulness and benefits aspects, the joys and confidence in teaching as a whole are in a moderate level ($M = M = 3.57$, $SP = .426$). However, the level of perceptions of teachers' attitude based on the usefulness and benefit aspects shown at the highest level ($M = 4.06$, $SP.444$). Meanwhile, joy in the teaching aspect ($M = 3.63$, $SP = .459$) and teaching confidence ($M = 3.57$, $SP = .426$) are at moderate level.

The findings also found that the overall perception on stress strategy that included professional, school, social and self-help strategies was at a high level ($M = 3.79$, $SP = .419$). The results of the findings showed that the

professional strategy is ($M = 4.01$, $Sp = .534$) and the social strategy ($M = 3.73$, $SP = .535$) also at a high level. However, self-help strategy showed the mean score only at moderate level ($M=3.51$, $SP=.509$). Pearson correlation analysis shows that there is significant relationship between teacher attitude towards KHB subjects with work pressure with moderate negative relationship strength [$r (266) = -.407$, $p < .01$] and there is no significant relationship between strategy variables stress with KHB teacher work pressure [$r (266) = -.055$, $p = .371$].



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang, Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya maka saya dapat menyempurnakan penulisan tesis ini.

Kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia tesis saya, Dr. Suhaida binti Abdul Kadir atas dedikasi beliau membimbing dan menyokong usaha saya sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia. Ucapan terima kasih juga buat Prof. Madya Dr. Mohd Ibrahim b Nazri selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang banyak membantu menyempurnakan tesis saya ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menaja pengajian saya, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pelajaran Selangor yang membenarkan kajian dijalankan, pengetua dan guru sekolah kajian, serta semua responden yang terlibat sebagai sample kajian.

Ucapan penghargaan juga kepada kakitangan pejabat pengajian siswazah Fakulti Pengajian Pendidikan, kakitangan Perpustakaan Sultan Abdul Samad dan pusat sumber Fakulti Pengajian Pendidikan serta individu yang terlibat secara langsung mahu pun yang tidak langsung.

Dedikasi khas penghargaan ditujukan kepada Allahyarham ayahanda tercinta Encik Basid bin Fadzaldin, bonda Puan Kamariah binti Karim, suami yang dikasihi Noor Asmadi bin Hussain, cahayamata tersayang Noor Aimuni, Noor Aisyah, Noor Afiqah, Noor Afrina serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberi semangat. Segala jasa, pengorbanan dan sumbangan kalian hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

Amin Ya Rabbal 'Alamin

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Suhaida binti Abdul Kadir, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Ibrahim b Nazri, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Date:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Norah Binti Basid, GS34844

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii

BAB

1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Batasan Kajian	8
1.8	Definisi Operasional	8
1.8.1	Sikap guru	8
1.8.2	Strategi menghadapi stres	8
1.8.3	Tekanan kerja	9
1.9	Kesimpulan	9
2	SOROTAN LITERATUR	10
2.1	Pengenalan	10
2.2	Konsep tekanan kerja	10
2.3	Sikap guru terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	14
2.4	Strategi menghadapi stres	16
2.5	Teori dan model berkaitan dengan strategi menghadapi stres	18
2.6	Kerangka Konseptual	22
2.7	Kesimpulan	24
3	METODOLOGI	25
3.1	Pengenalan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Lokasi Kajian	25

3.4	Populasi dan Persampelan.	25
3.5	Instrumen Kajian	28
3.5.1	Bahagian A - Maklumat profil/demografi responden	29
3.5.2	Bahagian B - Sikap guru KHB terhadap mata pelajaran KHB	29
3.5.3	Bahagian C – Strategi Guru Menghadapi stres	30
3.5.4	Bahagian D- Tekanan Kerja Guru	31
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	32
3.7	Kajian Rintis	32
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	33
3.9	Analisis Data	34
3.10	Kesimpulan	36
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Demografi Responden	37
4.3	Persoalan Kajian 1	39
4.4	Persoalan Kajian 2	43
4.5	Persoalan Kajian 3	47
4.6	Persoalan Kajian 4	50
4.7	Persoalan Kajian 5	50
4.8	Kesimpulan	51
5	RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	52
5.1	Pengenalan	52
5.2	Rumusan	52
5.3	Perbincangan	53
5.4	Implikasi dan Cadangan	55
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	57
5.6	Kesimpulan	58
	RUJUKAN BIODATA PELAJAR	59
		66

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Taburan guru KHB yang dipilih bagi setiap daerah	28
3.2 Kandungan item sikap guru terhadap mata pelajaran KHB	29
3.3 Skala Likert bagi Tahap sikap guru terhadap mata pelajaran KHB	30
3.4 Kandungan item Strategi menghadapi stress mengikut sub-kontruk	30
3.5 Skala Likert bagi Tahap strategi guru menghadapi stress	31
3.6 Kandungan item tekanan kerja mengikut sub-kontruk	31
3.7 Skala Likert bagi Tahap tekanan guru KHB	32
3.8 Nilai <i>Cronbach Alpha</i> bagi setiap pembolehubah	33
3.9 Persoalan kajian dan Analisis yang digunakan	35
3.10 Tafsiran Skala Skor Min	35
3.11 Tafsiran Pekali Korelasi	36
4.1 Demografi Responden (n=266)	38
4.2 Skor Min dan sisihan piawai tekanan kerja guru dalam melaksanakan sukatan pelajaran KHB	41
4.3 Skor min, sisihan piawai tahap persepsi sikap guru terhadap mata pelajaran KHB	45
4.4 Skor min, sisihan piawai strategi menghadapi stres guru dalam mengaplikasi sukatan pelajaran KHB	48
4.5 Analisis korelasi Pearson sikap guru dengan tekanan kerja guru KHB	50
4.6 Analisis korelasi Pearson strategi menghadapi stress dengan tekanan kerja guru KHB.	50

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Teori ini mengkaji hubungan antara tekanan kerja dan hubungannya dengan persekitaran individu.	14
2.2 Konsep kesepaduan oleh Al-Farabi	18
2.3 Model proses stres Greenberg	19
2.4 Kitaran stress Hambly dan Muir	21
2.5 Kerangka konsep kajian	23
3.1 Ringkasan Teknik Persampelan	28

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Profesion perguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Tugas guru yang perlu berhadapan dengan sesi pembelajaran harian, sikap murid yang pelbagai ragam ditambah dengan tugas pengurusan menjadikan guru sebagai satu kerjaya yang mempunyai tekanan kerja yang tinggi (Ghania, Ahmad & Ibrahim, 2013; Lemaire, 2009). Sekiranya tekanan ini diurus secara baik, ia boleh membantu guru meningkatkan prestasi dan kualiti kerja. Namun demikian, jika tekanan kerja tidak dapat diurus dengan baik boleh memberi kesan kepada motivasi guru, psikomatik, kualiti pengajaran guru dan juga kesihatan guru (Tajulasyikin, Fazura, & Burhan Ibrahim, 2013; Nobile & McCormick, 2005).

Menurut Nurul Shafinaz Halim (2013), peredaran masa juga menjadikan sistem pendidikan sentiasa berubah dan para guru harus sentiasa peka dan perlu bersedia dengan sebarang perubahan termasuk dengan penambahan ilmu pengetahuan serta kemahiran. Perubahan yang berlaku turut menuntut guru untuk menyesuaikan diri secara cepat dari masa ke semasa. Secara umumnya, tanggungjawab yang lebih berat dan mencabar perlu digalas oleh guru dan secara tidak langsung beban kerja guru juga turut bertambah.

1.2 Latar belakang kajian

Semakan sukatan pelajaran yang baharu secara menyeluruh bagi semua subjek yang diajar di sekolah menengah dan rendah merupakan satu transformasi dalam sistem pendidikan Malaysia. Jadi untuk merealisasikan cita-cita dan aspirasi Negara, sistem pendidikan ini merupakan asas penting bagi membangunkan masyarakat dan negara ke arah yang lebih baik. Dalam laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, dinyatakan dua aspirasi untuk menjayakan sistem pendidikan iaitu aspirasi sistem pendidikan dan aspirasi setiap murid. PPPM 2013-2025 menyatakan hasrat untuk menggunakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam menghasilkan pendidikan yang seimbang sebagai asas mencapai aspirasi murid. Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini merangkumi enam elemen iaitu setiap murid akan mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional yang terkandung dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Kemahiran Hidup Bersepadu adalah merupakan satu matapelajaran yang disusun secara terancang yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah KPM (2002). Kurikulum ini berbentuk kemahiran amali dan teori yang akan disediakan oleh guru dan perlu dilaksanakan di peringkat sekolah. Mata pelajaran ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu teras dan pilih. Bahagian teras mengandungi bidang pembelajaran Reka Bentuk dan Teknologi dengan pengetahuan dan kemahiran teknologi untuk menghasilkan produk yang berlainan menggunakan proses rekabentuk. Murid juga berpeluang untuk menghasilkan produk kayu, artikel jahitan, menghias persekitaran dengan tumbuhan hiasan yang dihasilkan, melakukan kerja menyelenggara dan baik pulih elektrik dan kerja paip. Bahagian pilihan pula dipecah kepada 4 bahagian pengkhususan iaitu Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan Perdagangan Keusahawanan. Kesimpulannya terlalu banyak perkara yang perlu dipelajari dalam satu masa.

Kemahiran Hidup Bersepadu merupakan salah satu matapelajaran amali yang berunsurkan teknologi. Kerja amali ini dilakukan di bengkel yang memerlukan guru menyelenggara serta menguruskan berbagai jenis bengkel. Ia dilaksanakan kepada semua pelajar tingkatan 1,2, dan 3 dan merupakan matapelajaran wajib peringkat sekolah menengah rendah di Malaysia. Mata pelajaran ini dirancang sedemikian rupa untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan kemahiran murid dan boleh menyumbang ke arah produktiviti Negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif KPM (2002).

Mata pelajaran ini digubal ke arah membekalkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir dalam teknologi dan ekonomi serta sanggup berkerjasama dan sentiasa bersedia untuk belajar dalam suasana bekerja. Tenaga kerja yang sedemikian rupa dapat memenuhi inspirasi, aspirasi dan impian Negara yang sedang membangun dalam zaman yang menyaksikan kemajuan teknologi komunikasi maklumat. Mata pelajaran ini dilihat dapat memberi banyak kemahiran yang diperlukan oleh murid jika dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh guru tersebut.

Penyusunan sukatan pelajaran bagi matapelajaran Kemahiran Hidup mula diperkenalkan pada tahun 2005 bagi menggantikan sistem pentaksiran sepenuhnya yang dikatakan kurang baik dan merupakan satu modul yang ditadbir dengan instrument, tugas, garis panduan, peraturan penskoran dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia yang sebenarnya memberi tekanan kepada guru (Abdul Hadi, 2009). Sistem ini seterusnya dilakukan penambahbaikan pada tahun 2012 dengan wajaran 100% mulai tahun 2014, oleh itu komponen penting dalam menjayakannya di peringkat sekolah adalah penerimaan guru terhadap inovasi ini (KPM, 2011). Mulai 2017 mata pelajaran Reka bentuk dan Teknologi pula diperkenalkan yang sukatanya tidak jauh beza dengan Kemahiran Hidup Bersepadu cuma diselitkan unsur saintifik dan teknologi maju yang berfokus ke arah negara maju. Fenomena

ini menambahkan kekusaran para guru tentang kemahiran yang perlu dikuasai dalam mata pelajaran ini yang lebih mencabar sukatananya.

Salah satu matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah menyediakan sumber tenaga manusia bagi memenuhi keperluan kemajuan negara di masa hadapan. Maka, bagi merealisasikan hasrat KPM, sebahagian besar usaha terletak di bahu guru. Oleh yang demikian, guru perlu melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran, menunjukkan kesungguhan dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam melaksanakan daya usaha bagi meningkatkan kualiti pelajar yang bakal dihasilkan.

Tugas guru bukanlah semata-mata di dalam bilik darjah, mengajar, membimbing dan mendidik. Tugas guru hari ini turut merangkumi tugas di luar bilik darjah dan juga di luar waktu persekolahan. Lau, Yuen dan Chan (2005) mendapati bahawa, guru-guru terlalu dibebankan dengan tugas-tugas yang tidak berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran seperti, aktiviti ko-kurikulum, menghadiri mesyuarat, mengendalikan program-program pelajar, mengurus kenebelian dan kebajikan pelajar serta, tugas-tugas pengurusan. Bagi memenuhi tuntutan yang tinggi dalam dunia pendidikan, guru-guru pula semakin berasa tertekan dalam menghadapi pelaksanaan pelbagai reformasi dalam sistem pendidikan negara. Tekanan yang dihadapi itu seterusnya akan memberi kesan kepada emosi, psikosomatik dan fizikal guru (Ling, 2001). Memandangkan peningkatan kualiti dan kecemerlangan pendidikan amat bergantung kepada guru-guru, maka, sewajarnya pihak-pihak seperti sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia perlu peka dengan permasalahan stres yang dihadapi oleh guru-guru.

Menurut Hashim dan Ismail (2003) pula berpendapat stres atau tekanan adalah keadaan emosi yang negatif dan tindakbalas fisiologi yang berlaku dalam situasi dimana individu menerima ancaman pada tujuan dan matlamat penting yang mungkin tidak tercapai. Betapa teruk stres yang dialami oleh individu itu bergantung pada sejauh mana seorang itu menganggap situasi itu mengganggu ataupun mengancam matlamatnya. Stres juga bergantung pada setakat mana seorang itu merasakan yang dia mampu menghadapi dan mengendalikan ancaman stres.

Daripada perspektif Islam pula, konsep tekanan atau stres adalah fitrah kehidupan manusia. Stres ini mampu memberi impak positif dan negatif bergantung pada bagaimana seseorang itu mengawal, mengurus dan mengendalikan stres. Semakin besar stres yang dihadapi semakin besar nilai pahala di sisi Tuhan. Iman juga bertambah dan berkurang dengan tekanan yang datang dan pergi.

Daripada perspektif lain pula, konsep stres ini turut dijelaskan oleh Wilkes (1998). Menurut beliau, stres adalah keadaan fizikal ataupun ketegangan mental yang menghasilkan perubahan dalam sistem saraf autonomik. Ia juga dikatakan oleh McCormick (1997) keadaan yang dipengaruhi oleh gangguan mental atau emosional. Perkara ini ditekankan lagi oleh Hargreaves (1994) yang mengatakan stres adalah gerak balas yang tidak khusus badan dengan pelbagai tuntutan. Manakala menurut Gabbay dan Bukchin (2009), menghuraikan stres adalah tindakbalas bangkitan atas sekumpulan rangsangan yang wujud dalam bentuk kejadian, objek ataupun individu.

Perkara ini dilihat sebagai penting tetapi tidak menentu, dimana stres tidak semestinya memberi kesan yang buruk kepada individu yang mengalaminya. Walaupun ianya sering dibincangkan dalam konteks negatif, stres juga mempunyai kebaikan lebih-lebih lagi apabila ia dapat memberikan impak positif. Stres juga sering kali digabungkan antara kekangan dan tuntutan. Kekangan menyebabkan individu berasa terhalang bagi melaksanakan kemahuan diri manakala tuntutan pula disebabkan oleh kehilangan sesuatu yang kita hargai. Prestasi yang baik menyebabkan kita merasa bangga dan prestasi yang buruk menyebabkan kita berasa rendah diri. Prestasi yang buruk akan menyebabkan kita disisih oleh orang lain dan ini merupakan tekanan kepada individu tersebut.

Stres yang timbul dari masalah personal akan menimbulkan dua masalah lain iaitu sukar pengurus mengawalinya secara terus dan pengawalan stres itu perlu dilakukan dengan pelbagai cara. Antaranya dengan memberi khidmat kaunseling kepada individu terbabit dengan mengadakan perbincangan dengan seseorang berkaitan dengan masalah mereka dan dengan cara ini dapat mengurangkan stres seseorang itu. Stres juga bergantung erat dengan ketakutan seperti takut kegagalan, takut dalam pengharapan, takut perubahan, takut keseorangan, takut imej diri yang tidak baik, takut kejayaan, takut tidak dapat melakukan sesuatu adalah antara berbagai-bagai jenis takut. Takut tidak dapat melakukan sesuatu ada kalanya menghalang seseorang memulakan sebarang usaha. Penawar terbaik kepada takut tidak dapat melakukan sesuatu adalah dengan terus melakukannya.

Beban kerja didefinisikan sebagai semua aktiviti yang mengambil masa pegawai sesebuah organisasi yang berkaitan dengan tugas-tugas profesional, tanggungjawab dan kepentingan kepada organisasi tersebut. Abdul Manaf (2009). Menurut beliau lagi, beban tugas boleh diklasifikasikan sebagai beban tugas pengajaran, beban tugas penyelidikan dan beban tugas penyelidikan dikategorikan sebagai beban tugas akademik sementara beban tugas perkhidmatan dikategorikan sebagai beban tugas bukan akademik. Kesimpulannya beban tugas dikatakan sebagai tugas yang dipertanggungjawab kepada seseorang pegawai untuk dilaksanakan samaada tugas akademik atau bukan akademik bagi kepentingan sesuatu organisasi.

Dalam bidang pendidikan mengikut pembahagian beban tugas, Bahari (2003) dalam kajiannya ke atas guru sekolah di daerah Kota Setar menyatakan bahawa guru-guru menggunakan 62.19% masa dalam seminggu untuk melaksanakan tugas akademik manakala 37.81% digunakan untuk tugas tugas bukan akademik.

Tekanan kerja merupakan satu pengalaman yang lumrah dalam kehidupan manusia. Setiap manusia tidak dapat lari dari tekanan kerja yang boleh berpunca daripada peristiwa peristiwa dalam kehidupan baik dalam bentuk fizikal, sosial dan psikologikal. Kesan tekanan kerja ke atas seseorang individu banyak bergantung kepada ciri-ciri dan sikap individu itu bagaimana untuk mengatasinya. Menurut Fun (2008), definisi tekanan kerja sebagai permintaan yang dibuat ke atas keupayaan penyesuaian minda dan badan seterusnya menjelaskan sekiranya keupayaan seseorang itu dapat menangani permintaan itu, maka tekanan kerja itu akan mendatangkan kesan yang positif.

Dalam aspek kerja, fenomena yang berkaitan dengan tekanan dianggap sebagai reaksi individu terhadap terhadap ciri ciri persekitaran tempat kerja yang membuatkan ketidakselesaan dan menggugat dirinya. Tekanan tidak semestinya tidak baik, walaupun ia sering dikaitkan dengan konteks yang negatif malah tekanan yang positif yang bersesuaian dengan keadaan akan membuahkan semangat yang lebih kuat dalam pekerjaan ke tahap maksimum (Robbin, 2009).

Banyak faktor yang boleh menyebabkan tekanan dalam diri seseorang. Mereka yang berkerja terutamanya sering mengalami masalah ini. Md. Sharif (1991) menyatakan tanggungjawab dan peranan guru di Malaysia hari ini bukan sahaja banyak berbeza dari masa lalu, tetapi juga lebih berat serta kompleks, ekoran perkembangan dan kemajuan pendidikan negara yang pesat. Kesedaran dalam mengawal tekanan atau stres sangat penting untuk mengelakkan sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku. Setiap masalah yang datang perlu dikenal pasti lebih awal. Pihak pentadbir dan organisasi haruslah mengaturkan program yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah dan mencari punca tekanan bagi mengelakkan guru meninggalkan profesion yang amat mulia ini dan penting untuk mendidik anak bangsa dan menyumbang ke arah kemajuan negara.

Tekanan ini jika tidak diatasi dengan lebih awal, akan menjadi lebih serius dan seseorang guru tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap tanggungjawab yang dipikul. Rawatan dan khidmat kaunseling haruslah diberikan supaya masalah mereka tidak merebak dan menyebabkan kemerosotan mutu kerja. Ini kerana jika masalah ini berterusan, ia akan memberi kesan kepada generasi dan juga terhadap perkembangan negara. Dari tinjauan awal didapati bahawa terdapat guru yang mengeluh dan

merunggut dengan beban tugas yang diberikan kepada mereka dalam mengaplikasi sukatan pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Mereka juga telah menghadapi pelbagai bentuk tekanan semasa menjalankan tugas demi untuk mencapai sesuatu matlamat yang diharapkan oleh pihak atasan atau dalam institusi persekolahan itu.

1.3 Pernyataan Masalah

Peranan dan tugas guru adalah satu elemen penting bagi merealisasikan impian aplikasi mata pelajaran, oleh itu guru perlu menguasai pelbagai aspek kemahiran bagi merancang, menyelia, menilai kaedah penilaian pentaksiran (KPM). Tanggungjawab besar ini memerlukan guru memilih standard kurikulum yang akan diajar, merancang pengajaran, pembelajaran dan menyediakan kaedah pentaksiran, serta menilai dan merekod pencapaian pelajar merupakan satu tekanan kerja yang terpaksa ditanggung oleh semua guru (John, 2002).

Sikap guru terhadap sukatan pelajaran perlu diberi perhatian sewajarnya bagi kepentingan bersama (LPM, 2008). Persekitaran dan suasana yang sesuai diperlukan bagi melancarkan proses penilaian peringkat sekolah (Haslina & Ismail, 2003). Stres guru berpunca dari situasi kesan negatif dalam tekanan melaksanakan tugas yang berat dan kurang ketahanan diri guru (Kyriacou & Sutcliffe, 1978).

Keratan akhbar Berita Harian bertarikh 11 Januari 2013 melalui ruang forum menyatakan guru guru terbeban dengan aplikasi sukatan yang memerlukan guru menguasai semua ke empat empat pengkhususan yang perlu disampaikan pada satu masa yang telah ditetapkan. Masalah ini lebih ketara bagi guru yang mengajar di sekolah yang besar dan mempunyai bilangan murid yang ramai untuk setiap kelas (Berita Harian, 2013). Rungutan utama guru ialah mengenai kerja kerja perkeranian yang terlalu banyak dan tidak pernah selesai menyebabkan guru kekurangan masa untuk menumpukan kepada pengajaran mereka (Ravichandran, 2007). Pengkhususan yang terdapat dalam sukatan pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu adalah Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan juga Perdagangan Keusahawanan.

1.4 Objektif

Objektif umum adalah untuk mengkaji tekanan kerja guru matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dalam melaksanakan pengajaran KHB. Kajian ini juga menentukan sejauh mana sikap terhadap mata pelajaran KHB dan juga menangani stress dan hubungannya dengan tekanan kerja.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap tekanan kerja guru Kemahiran Hidup Bersepadu.
2. Mengenal pasti sikap guru terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu .
3. Mengenal pasti strategi menghadapi stres dalam kalangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu.
4. Menentukan hubungan antara sikap guru dan strategi menghadapi stres dengan tekanan kerja dalam kalangan guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap tekanan kerja guru KHB yang merangkumi aspek tekanan fisiologi, psikologi dan beban kerja guru?
2. Apakah tahap persepsi sikap guru terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu berdasarkan aspek kebergunaan dan manfaat sukatan pelajaran, kegembiraan mengajar dan efektifnya serta keyakinan guru semasa mengajar?
3. Apakah tahap strategi menghadapi stress dapat digunakan oleh guru Kemahiran Hidup Bersepadu berdasarkan aspek strategi sendiri, strategi professional dan strategi sekolah?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan tekanan kerja dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara strategi menghadapi stress dengan tekanan kerja dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu ?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini menjelaskan hubungan antara sikap guru terhadap mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu. Ini diharapkan dapat memberi idea kepada Kementerian Pendidikan Malaysia tentang pentingnya kesediaan guru membimbing pelajar terutamanya untuk menyediakan keperluan tenaga kerja yang memenuhi keperluan industri masa kini. Harapan hasil kajian ini akan memberi idea kepada Bahagian Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengkaji keberkesanan sesuatu kurikulum yang ingin diperkenalkan.

Kajian ini juga diharap dapat memberi sumber maklumat dan kesedaran kepada pihak pengubal kurikulum dan pentaksiran tentang perlunya kesediaan dan penerimaan guru sebagai tenaga pengajar, persekitaran sekolah, kemudahan fizikal, strategi mengawal tenaga pengajar, dan

kefahaman yang sempurna supaya perancangan yang diatur mencapai matlamatnya.

1.7 Batasan Kajian

Di dalam kajian ini terdapat beberapa batasan iaitu, kajian hanya dijalankan dalam daerah Gombak, Petaling dan Kuala Selangor sahaja sedangkan negeri Selangor sendiri mempunyai 9 daerah. Responden terdiri daripada guru-guru kemahiran hidup sekolah menengah sahaja sedangkan semakan sukatan pelajaran sebenarnya dilaksanakan pada semua peringkat sekolah menengah dan rendah di Malaysia. Dalam kajian ini penyelidik hanya menggunakan pandangan guru sahaja dan tidak pelajar yang merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan kandungan sukatan pelajaran. Soal selidik ini berdasarkan kejujuran guru dalam menjawab semua soalan yang diberikan. Kajian lepas lebih banyak tertumpu kepada sukatan pelajaran dan kajian ini lebih kepada tekanan dalam pelaksanaan sukatan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Sikap guru

Sikap guru merupakan kesediaan dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh guru untuk melaksanakan, melihat, mengerti, melakukan dan membuat sesuatu inovasi yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan (Davis, 1989).

Dalam kajian ini sikap guru merujuk kepada sejauh mana guru merasa positif terhadap pelaksanaan mata pelajaran KHB. Ia merangkumi aspek kebergunaan dan manfaat, efektif dan kegembiraan serta keyakinan diri. Sikap guru diukur menggunakan soal selidik yang diubah suai dari soal selidik *Teacher Attitude Questionnaire*. Schackow (2005).

1.8.2 Strategi menghadapi stres

Strategi menghadapi stres adalah langkah atau tindakan dan teknik yang diambil bagi mengatasi situasi yang menyebabkan seseorang itu tertekan semasa menjalankan tugas. Teknik ini digunakan untuk menangani stres berdasarkan kepada corak pemikiran seseorang (Adam, 1980).

Terdapat empat strategi menangani stres yang telah dikemukakan oleh Physical & Psychological Exhaustion Scyle menurut Fontana & Abouscric (1993). Ia terdiri daripada strategi sendiri, strategi profesional, strategi sosial

dan strategi sekolah. Dalam kajian ini strategi menghadapi stres merujuk kepada sejauh mana guru KHB menggunakan keempat empat strategi tersebut.

1.8.3 Tekanan kerja

Tekanan kerja adalah satu proses tindak balas tingkah laku, emosi, mental dan fizikal yang disebabkan oleh tekanan yang berpanjangan dan semakin meningkat atau baharu di mana ianya jauh lebih besar daripada sumber untuk menghadapinya (De Noble, 2007).

Dalam kajian ini tekanan kerja merujuk kepada sejauh mana guru KHB mengalami tekanan dalam aspek fisiologi, psikologi dan beban tugas. Ia diukur menggunakan instrument yang diubah suai dari *Profesional Life Stress Scale PLSS* yang dihasilkan oleh Fontana (1993).

1.9 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan tentang masalah yang dihadapi oleh guru dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dalam kalangan guru guru negeri Selangor. Dalam bab 1 membincangkan tentang latarbelakang tajuk, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, definisi operasional dan juga batasan kajian. Keseluruhan penerangan adalah tentang isu yang ingin dibangkitkan tentang mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu itu sendiri.

RUJUKAN

- Adams, E. (2010). JCTE v25n1 - A Framework for the Preparation of Accomplished Career and Technical Education Teachers. *journal of career and technical education*, 25(1), 21–34.
- Abdul Hadi, A Naing, N.N. Daud, A., Nordin, R., & Sulong, M.R. (2009). Prevalence and factors associated with stress among secondary school teachers in Kota Bharu, Kelantan Malaysia. *Southeast Asian Journal of Tropical Medical Public Health*, 40(6), 13 59- 1370
- Abdul Manaf, A. H. (2009). Faktor-faktor tekanan dan kesannya kepada guru sekolah menengah kebangsaan: Satu kajian di daerah timur laut Pulau Pinang. Unpublished Master Thesis. Kedah: UUM
- Abdullah, R. (1999). Tekanan kerja di kalangan guru-guru di sekolah menengah serta punca dan faktor kerja dan bukan kerja. Unpublished Project. Selangor: UPM
- Academy of Management Executive, 14(2), 107-121 Apple, M (1992). Education and power. London: Routledge and Kegan Paul.
- Adam, J.D. (1980). Understanding and managing stress: A book of readings. San Diego: University Associates, Inc. Antoniou, A.S.,
- Atan, S (1998). Faktor-faktor yang mempengaruhi stress di kalangan guru-guru: satu kajian kes ke atas guru-guru Sekolah Menengah Bandar Tenggara, Kulai, Johor. Unpublished Master Thesis. Johor: UTM
- Awang, A. (2006). Kepimpinan instruksional. Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Kuala Lumpur
- Bahari, F (2003). Work stress level amongst secondary school teacher in the state of Malacca: Implication to human resource development. Unpublished Master Thesis. Kedah: UUM
- Bandura, A. (1997). Perceived self efficacy in cognitive development and functioning. *Educational Psychologist*, 28 (2), 117- 148.
- Beehr, T.A & Newman, J.E (1978). Job stress, employee health and organizational
- Borg, M.G., Riding, R.J., & Falzon, J.M. (1991). Stress in teaching: A study of occupational stress and its determinants among primary school teachers.

- Boyle, J.G., Borg, M.G., Falzon, J. M., & Baglioni, A. J. (1995). A structural model of the dimensions of teacher stress. *British Journal of Education Psychology*, 65, 49- 67.
- Brown, M & Ralph, (1998). Change-linked stress in British teachers. Paper presented to the British Educational Research Association Conference, Queen's University, Belfast.
- Bruce, K., & Cacioppe (1989). Why teacher resigned? *Australian Journal of Education*, 33(1), 68-82.
- Bubb, S., & Earley, (2004). *Managing teacher workload: Work-life balance and wellbeing*. New Delhi: Paul Chapman Publishing.
- Chaplain, R. P (1995). Stress and job satisfaction: A study of English primary school teachers. *Educational Psychology*, 15(4), 473-489.
- Chaplain, R. P.(2008). Stress and psychological distress among trainee secondary teachers in England. *Educational Psychology*, 28(2), 195-209.
- Cheuk, W.H, Wong, K.S., & Rosen, S. (2000). Kindergarten principals in Hong Kong: Job stress and support from a close friend. *Journal of educational Administration*, 38(3), 272-287.
- Cormarks, D. K. (2000). *Leadership behaviors of secondary school principals effectiveness: A facet analysis, model and literature review*. *Personnel Psychology*, 31, 665-669.
- De Nobile, & Mc Cormick, (2007). Job satisfaction and occupational stress in Catholic primary schools: Implications for school leadership. *Leading and Managing*, 13(1), 3 1-48.
- Dobson, C.B. (1982). *Stress: The hidden adversary*. England : MTF Press Ltd.
- Elangovan, A.R. (2001). Causal ordering of stress, satisfaction and commitment, and intention to quit: A structural equations analysis. *Leadership & Organization Development Journal*, 22(4), 159-1 65.
- Evans, L. (1992). *Teachers' morale and satisfaction: The importance of school-specific factors*. Paper presented at the British Educational Research Association Conference, University of Liverpool.
- Fun, S., W. (2008). *Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja (stress) di kalangan guru guru sjk(c): Satu kajian di tiga buah sekolah di wilayah persekutuan* Unpublished Degree Thesis. Johor: UTM

- Gabbay, U., & Bukchin, M.(2009). Does daily nurse staffing match ward workload variability? Three hospitals' experiences. *International Journal of Health Care*, 22(2), 625-641.
- Gajendra, K.V., & Ruth, M.B.(1981). *What is educational research?* Britain: Gower Publishing Company Limited.
- Ghani, Mohd Zuri & Che Ahmad, Aznan & Ibrahim, Suzana. (2014). Stress among Special Education Teachers in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 114. 4-13. 10.1016/j.sbspro.2013.12.648.
- Glazer, S., & Kruse, B. (2008). The role of organizational commitment in occupational stress models. *International Journal of Stress Management*, 15(4), 329-344.
- Gmelch, W. H. (1982). *Beyond stress to effective management*. New York : John Wiley & Sons, Inc
- Greenberg, J., & Baron, A. (2000). *Behaviour in organizations*. New Jersey: Prentice Hall International Edition
- Gurthrie, R. (2006). *Teachers and stress*. Australia and New Zealand Journal of Law and Education, 1 1(1), 5-1 8.
- Halim, Nurul Shafinaz (2013) Menentusahkan faktor tekanan kerja guru sekolah menengah gred A daerah Batu Pahat.
- Hargreaves, A. (1994). *Changing teachers, changing times: Teachers' work and culture in the postmodern age*. New York: Teachers College Press.
- Hashim, S., & Ismail, R. (2003). Psikologi pembelajaran dan personaliti. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributers Sdn. Bhd.
- House, J.S. (198 1). *Work stress and social support*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Idid, S.A. (1993). *Kaedah penyelidikan Komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Jennings, B. M. (2008). Work stress and burnout among nurses: Role of the work environment and working conditions. Rockville, MD: Agency for Healthcare Research and Quality.
- Jepson, E., &Forrest, S. (2006). Individual contributory factors in teacher stress: The role of achievement striving and occupational commitment. *British Journal of Educational Psychology*, 76, 183-1 97.

- John, G., A. (2002). *Faktor dalaman dan luaran organisasi pendidikan dan hubungannya dengan tekanan kerja: Satu tinjauan di sebuah sekolah menengah*. Unpublished Master Thesis. Kedah: UUM
- Jones, G. R., & George, J.M. (2008). *Contemporary management* (5th ed.). New York: McGraw- Hill Irwin. Kenway (Ed.). Economising education: The post-fordist directions. Geelong: Deakin
- Konting. M., J. (1 993). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koslowsky, M., Kluger, A., & Reich, M. (1 995). *Commuting stress: Causes, effects, and methods of coping*. Plenum, New York: Herper and Row
- Kyriacou, C. (1989). Teacher stress and burnout. *An International Review*, 59, 159-197
- Kyriacou, C. (2001). Teacher stress: Directions for future research. *Education Review*, 53,27-53.
- Larson, S. (1980). Proletarianization and educated labor. *Theory and Society*, 9(1), 131 - 175.
- Lath, S., K. (2010). A study of the occupational stress among teachers. *International Journal of Educational Administration*, 2 (2), 421-432
- Lau, P.S.Y., Yuen, M.T., & Chan, R.M.C. (2005). Do demographic characteristics make a difference to burnout among Hong Kong secondary school teachers? *Social Indicators Research*, 71, 491-516.
- Laughlin, A. (1984). Teacher stress in an Australian setting: The role of biographical mediators. *Educational Studies*, 10(1), 7-22.
- Lemaire, J. (2009). Addressing teacher workload. *Education*, pp. 6.
- Lieberman, A. (Ed.). (1988). *Building a professional culture in school*. New York: Teachers College Press.
- Ling. L., K. (2001). *Kepimpinan transformasi dan kepuasan kerja guru*. Unpublished
- Mantei, R., & Gilmore, A. (1996). Teacher stress in intermediate schools. *Educational Research*, 38(1), 3-19. Master Thesis. Kedah: UUM

- McCarthy, C.J., Lambert, R.G., O'Donnell, M., & Melendres, L.T. (2009). The relation of elementary teachers' experience, stress, and coping resources to burnout symptoms. *The Elementary School Journal*, 109(3), 282-300.
- McCormick, J. (1997). Occupational stress of teachers: Biographical differences in a large school system. *Journal of Educational Administration*, 35(1), 18-38
- Md Sharif, S.R. (1991). Pengaruh faktor sekolah ke atas tekanan guru. Unpublished Master Thesis. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- measurement. Ann Arbor, MI: Health Administration Press Perspectives.
- Muhammad, J. (2003). Kelakuan organisasi. Kuala Lumpur: Leeds Publications.
- Munt, V. (2004). The awful truth: A microhistory of teacher stress at Westwood high, *British Journal of Sociology of Education*, 25(5), 578-591.
- Murphy, L.R. (2002). Job stress research at NIOSH: 1972-2002. Research in occupational stress and well-being: Historical and current perspectives on stress and health, Elsevier Science, Oxford, 1-55.
- Nelson, D.L., & Burke, R.J. (2000). Women executives: Health, stress, and success, occupational stress and professional burnout between primary and high-school teachers in Greece, *Journal of Managerial Psychology*, 21 (7), 682-690.
- Nobile, J. J. & McCormick, J. (2005). "Job Satisfaction and Occupational Stress in Catholic primary Schools." A paper presented at the Annual Conference of the Australian Association for Research in Education.
- Noddings, W. (1984). *Caring: A feminine approach to ethics and moral education*. Berkeley: University of California Press.
- Nordin, M.S. (1997). *Stres pekerjaan di kalangan guru-guru sekolah menengah daerah Kuala Kangsar, Perak*. Unpublished Master Thesis. Kedah: UUM
- Nururddin, A., W. (1995). *Stres pekerjaan di kalangan guru*. Unpublished Master Thesis. Kedah: UUM
- Okebukola, P.A., Jegede, O.J. (1989). Determinants of occupational stress among teachers in Nigeria. *Journal of Educational Study*, 15, 23-36.

- Othman, G. (1980). *An investigation of the source of job satisfaction of Malaysian school teacher*. Unpublished Doctoral Thesis, Los Angeles: University of California
- Otto, R. (1986). *Teachers under stress: Health hazards in a work-role and modes of response*. Melbourne: Hill of Content.
- Polychroni, F., & Vlachakis, A. N. (2006). *Gender and age difference in teachers satisfaction*. Unpublished PhD Dissertation. University of New South
- Putter, L. (2003). *Stress factor among teacher in school of industry*. Unpublished Degree dissertation. KwaDlangezwa: University of Zululand
- Ravichandran, R., & Rajendran, R. (2007). Perceived sources of stress among the teachers. *Journal of Indian Academy of Applied Psychology*, 33(1), 133-136
- Robbins, S.P., & Judge, T.A. (2009). *Organizational behavior* (13th ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall Inc.
- S Tatt, D.A. (2004). *Psychology and the world of work*. Edinburgh: Palgrave Macmillan. satisfaction in Turkish high school. *Australian Journal of Education*, 47(1), 216-230
- Sheena J., Cary C., Sue C., Ian D., Paul T., & Clare M. (2005). The experience of work-related stress across occupations. *Journal of Managerial Psychology*, 20(2), 178-187.
- Souceck, V. (1994). Flexible education and new standards of communicative competence. In *British Journal of Education Psychology*, 11, 59-75.
- Spector, P.E., Cooper, C.L., Poelmans, S., Allen, T.D., O'Driscoll, M., & Sanchez, J.I. (2004). A cross national comparative study of work-family stressors, working hours, and wellbeing: China and Latin America versus the Anglo world. *Personnel Psychology*, 57(1), 19-42.
- Stamps, P.L., & Piedmonte, E.B. (1986). *Nurses and work satisfaction: An index for*
- Sunbul, A. L. (2003). An analysis or relation among locus of control, burnout and job
- Sweeting, K. (2011). Early Years Teachers ' Attitudes Towards Mathematics, (May).

- Tajulashikin Jumahat, Fazura Mohd Noor & Mohd Burhan Ibrahim (2013). Faktor-faktor Penentu Stres Dalam Kalangan Guru: Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Bil.1 isu 2
- Tuettmann, E., & Punch, K.F (1992). Psychological distress in secondary teachers: Research finding and their implications. *Journal of Educational Administration*, 30 (1): 42-54. University Press.
- Wales. Colquitt, J. A., LePine, J., A., & Wesson, M., J. (2010). *Organizational behaviour: Essential for improving performance and commitment*. New York: McGraw-Hill Irwin.
- Watts, S. (1987). *Stress management for wellness*. Chicago: Holt, Rinehart And Winson, Inc.
- Watkins, P. (1994). The fordist / post fordist debate: The educationalist implications. In J. Kenway (Ed.). *Economising education: The post-fordist direction*, Geelong: Deakin University Press.
- Wilkes, L., Beale, B., Hall, E., Rees, E., Watts, B., & Denne, C. (1998). Community nurses' descriptions of stress when caring in the home. *International Journal of Palliative Nursing*, 4(1), 13-34
- Yahya, A., S. (2005). *Mengurus disiplin pelajar*. PTS Publication & Distributors Sdn.